

DILEMA MAHATHIR

Iwn DILEMA MELAYU

Oleh:
JABIMAN

TERNYATA bahawa selepas 18 tahun menghasilkan buku *The Malay Dilemma*, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dianggap sebagai penggerak penting memajukan masyarakat Melayu di akhir dekad 70-an dan 80-an, kata-kata dalam bukunya itu digunakan untuk 'menyeringnya' kembali oleh kumpulan yang tidak bersestia dengan dasar-dasar beliau.

Nasib *The Malay Dilemma* yang diharamkan

pengedarannya di zaman Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Hussein rupa-rupanya dapat bertahan untuk kira-kira tujuh tahun sebagai bacaan rujukan yang diterima oleh pelbagai pihak. Akhir-akhir ini isi buku itu dijadikan bahan untuk mengkritik dasar-dasar Perdana Menteri yang dikatakan cakap tidak serupa bikin.

Intipati pemikiran Datuk Seri Dr. Mahathir yang mulanya dianggunkan sebagai suatu pembaharuan dalam pemikiran Melayu kini menjadi bahan-bahan dengan niat memper-

kecil dan membantah langkah-langkah, sama ada dalam parti mahupun kerajaan yang diamalkan oleh beliau.

Sesungguhnya, pemikiran dan pendapat Datuk Seri Dr. Mahathir yang dihasilkan di zaman peralihan, iaitu akhir 60-an dan awal 70-an, ternyata, berkesan, apa lagi beliau disanjung oleh semua pihak pada mulanya ketika memegang tampuk pemerintahan.

Ketika mula-mula mengambil alih jawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir adalah harapan semua orang Melayu. Yang takut

kepada corak kepimpinannya, yang menandakan bersih, cekap dan amanah serta menerapkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan bukan orang Melayu, termasuk dari PAS, tetapi bukan Melayu.

Keputusan-keputusan pilihannya yang dianggap membawa kestabilan kepada Barisan Nasional di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir rupa-rupanya tidak sama dengan kesan terhadap pemilihan parti yang dipimpin oleh beliau sendiri-UMNO. Ternyata dalam UMNO, sejak pemilihan 1981, pergolakan menjadi begitu hebat hinggalah UMNO menuju kepada suatu tahap yang kini hanya menjadi sejarah.

PAYUNG

Sebenarnya, sejak pertandingan kedua Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam pada 1984 untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO lama, orang Melayu yang meletakkan UMNO sebagai payung pelindung berasa cemas, lebih-lebih lagi dengan kegagalan pucuk pimpinan parti untuk menyatukan kembali penyokong-penyokong kedua-dua belah pihak ini.

Seruan-seruan supaya jangan bertanding atau menentang pucuk pimpinan bagai tidak diindahkan. Biar pun Datuk Seri Dr. Mahathir menjalankan pelbagai cara, termasuk mengekalkan Tengku Razaleigh dalam Kabinet (daripada Menteri Kewangan kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian) walaupun Datuk Musa menentang tindakan itu, perpaduan dalam UMNO sudah tidak ada. Dengan kata lain, sudah wujud kem Musa dan kem Tengku Razaleigh.

Lebih malang, apabila Datuk Musa meletakkan jawatan, dalam kerajaan dan parti, percanggahan penyokong-penyokong ketara. Penarikan balik perletakan jawatan Datuk Musa sebagai Timbalan Presiden tidak membantu. Yang luka sudah menggunakan parut. Lebih mengancam lagi perpaduan Melayu ialah apabila Datuk Musa dan Tengku Razaleigh bersatu menentang kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir pada 24 April, 1987.

Dilema di kalangan

penyokong UMNO ialah ke arah mana mereka patut ikut. Apayang jelas, kira-kira 500 perwakilan UMNO yang menyokong Tengku Razaleigh pada 1981, 1984 tetap dengan Datuk Seri Dr. Mahathir dalam *The Malay Dilemma*.

Kritik-kritik kepada Datuk Seri Dr. Mahathir sejak pemilihan 1987 hingga kini, pada dasarnya berdasarkan apa yang sudah disebut oleh Datuk Seri Dr. Mahathir dalam *The Malay Dilemma*.

Antara perkara-perkara itu ialah: (a) Majlis Kerja Tertinggi UMNO (MKD) hendaklah membuat keputusan berdasarkan persekutuan ahli-ahli serta langkah-langkah yang tidak bertentangan dengan kehendak ahli (ms. 10); (b) Parti tidak boleh sekali-kali tunduk kepada kuasa dan kepulauan Perdana Menteri (ms. 11); (c) kerajaan hendaklah sensitif terhadap kritikan yang diuarakan oleh pihak pembangkang dan penyokong-penyokong kerajaan sendiri (ms. 17), serta banyak lagi.

Akhir-akhir ini, kumpulan-kumpulan tertentu menyebarkan pelbagai

perlembagaan. Kekeraan meminda perlembagaan boleh menjatuhkan taraf undang-undang tertinggi negara kepada lembaran kertas yang tidak berguna (ms. 13);

(c) Menteri-menteri Kabinet hendaklah terdiri daripada mereka yang betul-betul berkebolehan dan berpengalaman. Rakyat akan bersikap sinis dan tidak menghormati kerajaan sekiranya orang-orang yang tidak berkebolehan berada dalam kerajaan (ms. 14).

(d) undang-undang tidak boleh dibuat secara tergesa, tanpa rundingan-rundingan awal dengan para wakil yang akan 'menjual' undang-undang ini kepada rakyat (ms. 13); (e) kerajaan janganlah sibuk mencari jalan untuk mengekalkan kuasa. Semua orang dapat melihat kepincangan kecuali kerajaan sendiri (ms. 15); (f) kerana terlalu bongkak dengan suara terbanyak, kerajaan semakin tidak mahu mendengar langsung kritikan yang diuarakan oleh pihak pembangkang mahu pun dari penyokong-penyokong

masalah dan dalam mengatasi masalah itu, beliau juga perlu melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pemimpin parti dan negara.

Sebenarnya kritik-kritik yang dilemparkan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir itu menjadikan beliau berada dalam dilema, iaitu memuaskan orang Melayu sahaja atau Malaysia keseluruhannya. Rasanya dari segi memberikan keputusan kepada rakyat, beliau berjaya tetapi 'keputusan kepada Melayu' itu menghadapi pelbagai rintangan.

SAMAN

Dengan adanya pelbagai saman terhadap UMNO (Baru), khususnya kepada beliau sendiri, Datuk Seri Dr. Mahathir sudah pasti memerlukan masa lebih lama untuk menyelesaikan masalah parti dan negara. Dengan kata lain, kritik-kritik yang dilemparkan terhadap beliau menjadikan beliau terpaksa lebih tabah.

Dalam keadaan Datuk Seri Dr. Mahathir menghadapi dilema kerana pihak yang menentangannya menggunakan kata-kata daripada bukunya, *The Malay Dilemma*, orang Melayu khususnya daripada UMNO lama menghadapi dilema untuk memilih, sama ada menyertai UMNO (Baru) atau menunggu UMNO lama dipulihkan.

Yang menjadi masalah kepada orang Melayu ialah, perlukah mereka menunggu lebih lama untuk 'aktif semula' dalam politik jika tunggu UMNO lama dipulihkan. Berjayakah kumpulan Tengku Razaleigh melakukannya? Sebaliknya, jika menyertai UMNO (Baru), jika UMNO lama dapat dipulihkan, bagaimanakah kedudukan mereka. Yang pasti rata-rata orang Melayu sayangkan UMNO 1946.

Dengan kedudukan itu, bukan Datuk Seri Dr. Mahathir sahaja yang menghadapi dilema kerana kata-katanya dalam *The Malay Dilemma* digunakan bagi 'menyeringnya' kembali tetapi juga orang Melayu penting kepala dan dilema untuk memilih UMNO. Mana satu yang betul, UMNO Malaysia atau UMNO Baru?

Dalam keadaan sebegini, sudah pasti Datuk Seri Dr. Mahathir menghadapi halangan dalam melaksanakan cita-citanya menjadikan UMNO - sekarang UMNO Baru - sebagai parti yang dinamik dan Malaysia menuju kepada zaman cemerlang.

risalah yang juga mengkritik kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir juga berasaskan pandangan yang sudah beliau kemukakan dalam *The Malay Dilemma*. Perdana Menteri disifatkan sebagai 'manusia talem dua muka' kerana cakap tidak serupa bikin.

Intipati pemikiran Datuk Seri Dr. Mahathir yang digunakan untuk mengkritik halik pemimpin itu termasuklah: (a) manusia tidak boleh dinodai oleh kuasa (ms. 10 dalam *The Malay Dilemma*); (b) sidang-sidang parlimen dan kekuatan janglah digunakan untuk meminda

kerajaan sendiri. Jurang di antara kerajaan dengan rakyat semakin luas hinggalah kerajaan tidak lagi dapat menyelami perasaan rakyat atau mentafsirkannya dengan betul (ms. 18); serta banyak lagi.

Dalam keadaan sebegini, sudah pasti Datuk Seri Dr. Mahathir menghadapi halangan dalam melaksanakan cita-citanya menjadikan UMNO - sekarang UMNO Baru - sebagai parti yang dinamik dan Malaysia menuju kepada zaman cemerlang.

Akhir-akhir ini Perdana Menteri diganggu-gugat oleh pelbagai